

Maklumat Skim

1. Apakah PruBSN iTEKAD Protection?

PruBSN iTEKAD Protection ialah perlindungan takaful berkelompok dan patuh Syariah yang menyediakan manfaat sekaligus sekiranya berlaku kematian bukan akibat kemalangan atau akibat kemalangan. Skim ini juga termasuk elaun harian kemasukan ke hospital sehingga 14 hari jika Ahli yang Dilindungi dimasukkan ke hospital kerajaan akibat kemalangan.

Selain itu, anda akan mendapat manfaat daripada perkhidmatan bernilai tambah dan tawaran yang dipertingkatkan di bawah skim ini.

Skim ini akan dilaksanakan dengan kerjasama rakan strategik (dirujuk sebagai “Pemegang Sijil Induk”), termasuk bank, dan menasarkankan perusahaan mikro (MSME), termasuk tetapi tidak terhad kepada peserta program iTEKAD.

Skim ini diuruskan secara eksklusif oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN).

2. Apakah manfaat yang disediakan oleh skim ini?

Manfaat-Manfaat		Jumlah Dilindungi
Kematian Bukan Akibat Kemalangan [^]	Sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi bukan akibat kemalangan semasa tempoh perlindungan.	RM10,000
Kematian Akibat Kemalangan	Sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi akibat kemalangan semasa tempoh perlindungan.	RM20,000
Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan	Sekiranya Ahli yang Dilindungi dimasukkan ke hospital Kerajaan Malaysia* akibat kecederaan yang dialami dalam Kemalangan, PruBSN akan menyediakan elaun harian hospital daripada Dana <i>Tabarru`</i> kepada Ahli yang Dilindungi. Manfaat ini hanya dibayar sehingga 14 hari.	RM50/sehari

[^] Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan tidak akan dibayar semasa tempoh menunggu 4 bulan dari tarikh permulaan perlindungan

* Sila rujuk laman web rasmi Kementerian Kesihatan untuk senarai Hospital Kerajaan Malaysia:

https://www.moh.gov.my/index.php/database_stores/store_view/82?items=25&page=6

3. Apakah konsep Syariah yang berkenaan?

Ta`awun:

Persetujuan untuk saling membantu berdasarkan prinsip kesamarataan dan kesatuan yang melibatkan kepentingan dan manfaat bersama. Takaful adalah berdasarkan konsep *Ta`awun* seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 yang bermaksud suatu persetujuan yang berdasarkan kepada pertolongan bersama di mana peserta-peserta takaful bersetuju untuk menyumbang ke dalam suatu dana yang akan memberi manfaat kewangan yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada waris mereka sekiranya berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu. Berdasarkan perkara di atas, sumbangan yang akan dimasukkan dan dikumpulkan ke dalam dana bersama iaitu Dana *Tabarru`* (dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta) adalah *Tabarru`at* (kebajikan) secara alami.

Wakalah bi al-ujrah:

Persetujuan di mana PruBSN dilantik untuk menguruskan perkhidmatan keseluruhan yang disediakan di bawah sijil anda. Kami akan mengambil sebahagian daripada sumbangan anda sebagai upah untuk perkhidmatan ini, yang mana termasuk caj berkaitan pengagihan.

4. Apakah perkhidmatan bernilai tambah dan tawaran dipertingkatkan di bawah skim ini?

Di bawah skim ini, perkhidmatan bernilai tambah dan penawaran yang dipertingkatkan disediakan untuk menyokong anda dalam mengurus keperluan kewangan anda dengan lebih berkesan. Perkhidmatan ini mungkin akan disemak dari semasa ke semasa untuk memastikan ia kekal relevan dan terus memberikan sokongan yang bermakna.

Perkhidmatan bernilai tambah termasuk sokongan kesihatan mental kepada komuniti yang kurang mendapat perhatian, seperti menyediakan akses percuma kepada program panduan sendiri, perundingan secara langsung, talian bantuan 24/7 dalam bahasa

tempat dan sesi dengan profesional berlesen, memastikan penjagaan apabila paling diperlukan. Perkhidmatan ini juga dilanjutkan kepada ahli keluarga, secara pilihan tanpa caj tambahan.

Selain itu, sebagai sebahagian daripada inisiatif bimbingan perniagaan bank untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah, PruBSN menawarkan taklimat kesedaran takaful untuk membantu usahawan mikro memahami kepentingan perlindungan dan perancangan kewangan. Para peserta akan diperkenalkan kepada konsep asas takaful seperti penggantian pendapatan, pembayaran hutang, kesinambungan perniagaan, bantuan kewangan segera, aset cair, dan penamaan *hibah* bersyarat.

5. Berapa lama tempoh perlindungan?

Skim ini menawarkan perlindungan untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh mula perlindungan.

6. Siapakah yang layak untuk menyertai skim ini?

Penerima skim ini adalah usahawan mikro B40 yang layak terpilih termasuk tetapi tidak terhad kepada peserta program iTEKAD, berumur 19 hingga 50 tahun pada hari jadi akan datang.

7. Apakah perkara-perkara yang tidak dilindungi di bawah skim ini?

Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Bukan Akibat Kemalangan sekiranya mana-mana daripada berikut yang melibatkan Ahli yang Dilindungi berlaku:

- (a) Sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bunuh diri semasa waras atau tidak waras dalam 12 bulan pertama dari tarikh perlindungan;
- (b) Sekiranya Ahli yang Dilindungi meninggal dunia sebab kematian bukan akibat kemalangan dalam 4 bulan pertama dari tarikh mula perlindungan; atau
- (c) Sekiranya pembaharuan Sijil Induk adalah berkenaan, tempoh menunggu 4 bulan akan digunakan semula jika sumbangan hanya diterima oleh PruBSN selepas 30 hari dari tarikh luput.

Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan sekiranya mana-mana daripada berikut yang melibatkan Ahli yang Dilindungi berlaku:

- (a) pengambilan dadah atau bahan narkotik kecuali yang telah ditetapkan untuk rawatan oleh Doktor atau Pakar Perubatan yang bertauliah;
- (b) pengaruh atau penyalahgunaan dadah, narkotik atau alcohol atau penyalahgunaan stimulator;
- (c) kemabukan dadah atau narkotik atau alcohol; atau
- (d) memandu kenderaan atau menunggang motosikal di bawah umur minimum yang dibenarkan mengikut undang-undang yang berkenaan atau memandu atau menunggang tanpa lesen memandu yang sah yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan.

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Kematian Akibat Kemalangan sekiranya kematian Ahli yang Dilindungi adalah secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana satu (1) daripada berikut:

- (a) peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau penaklukan atau tindakan keganasan musuh luar (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi, kebangkitan kuasa atau ketenteraan atau rampasan kuasa, pengambilan bahagian secara langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- (b) mana-mana pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penahanan;
- (c) percubaan melakukan kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas atau melakukan mana-mana kesalahan jenayah atau aktiviti pengganas;
- (d) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas sendiri semasa waras atau tidak waras;
- (e) kehamilan, kehamilan sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas system peranakan wanita ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan;
- (f) penglibatan atau mengambil bahagian dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan Kami memberi persetujuan melalui endorsan khas; atau
- (g) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan.

Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan

PruBSN tidak akan membayar Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan sekiranya kemasukan ke hospital Ahli yang Dilindungi secara langsung atau tidak langsung atau sepenuhnya atau sebahagiannya disebabkan oleh:

- (a) sebarang Keadaan Sedia Ada atau kecederaan akibat kemalangan yang berlaku sebelum tarikh permulaan perlindungan; atau
- (b) apa-apa bentuk sakit atau penyakit yang berpunca bukan akibat kemalangan; atau
- (c) sebarang gigitan serangga termasuk gigitan nyamuk dan kecacingan yang berlaku; atau
- (d) sunat, pemeriksaan mata, pembetulan rabun jauh dan/atau rabun dekat melalui cermin mata, kanta dan pembiasan atau pembedahan (Keratotomi radial atau Lastik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas prostetik luaran atau alat perubatan tidak terhad kepada anggota tiruan, semua jenis alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak jantung luaran dan preskripsinya, pembedahan kosmetik elektif atau plastik kecuali pembedahan rekonstruktif yang diperlukan untuk memulihkan fungsi selepas kecederaan kemalangan; atau
- (e) sebarang keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali diperlukan kerana kecederaan akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat (gigi patah yang disebabkan oleh mengunyah objek yang keras tidak dikira sebagai kecederaan akibat Kemalangan) yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Perlindungan; atau
- (f) pembedahan tinjauan atau eksperimen atau sebarang prosedur elektif laik termasuk ubat-ubatan dan/atau teknologi/prosedur perubatan tidak konvensional, yang belum dibuktikan berkesan berdasarkan amalan perubatan yang ditetapkan, dan belum diluluskan oleh badan yang diiktiraf di dalam negara di mana Ahli yang Dilindungi menerima rawatan; atau
- (g) penjagaan peribadi (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Penjagaan oleh Jururawat Di Rumah) rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi (termasuk tetapi tidak terhad kepada alcohol dan dadah), pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dan penyakit berkaitan HIV, semua penyakit kelamin, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang; atau
- (h) sebarang rawatan atau prosedur yang berkaitan dengan mengandung atau bersalin dan komplikasi, kehamilan, sekarang dan sebelumnya (dan komplikasi berkaitan), melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan dan apa juga pembedahan atau prosedur bukan pembedahan ke atas system peranakan Wanita Ketika pembedahan untuk kelahiran), keguguran, menggugurkan kandungan (termasuk sebarang pengguguran yang dijalankan kerana sebab psikologi atau social, dan sebarang kesan dari mana-mana prosedur ini) dan jagaan serta pembedahan prenatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, rawatan berkaitan ketaksuburan termasuk difungsi erektile dan ujian atau rawatan berkaitan impoten atau pensterilan (dengan pengecualian bagi manfaat yang disediakan di bawah Komplikasi Kehamilan, jika berkenaan); atau
- (i) pemeriksaan perubatan rutin atau rundingan, kemasukan ke Hospital terutamanya untuk tujuan siasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis sesuatu Hilang Upaya yang dilindungi atau apa-apa rawatan yang dianggap tidak diperlukan dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan-rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan; atau
- (j) bunuh diri, percubaan membunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
- (k) sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan atau sebarang tindakan peperangan atau serangan atau perbuatan permusuhan musuh asing (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara atau pemberontakan atau revolusi atau ketenteraan atau rampasan kuasa atau bergiat aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, pelanggaran mana-mana, atau cubaan melanggar undang-undang atau tindakan menentang penahanan, serta penglibatan secara langsung dalam rusuhan, mogok dan kekecohan awam atau pemberontakan; atau
- (l) sebarang radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear; atau
- (m) sebarang siasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, rawatan untuk perpeluhan yang berlebihan, terapi penggantian hormon, terapi sel induk (selain daripada untuk gangguan darah hemopoietik), terapi oksigen hiperbarik, perundingan dan rawatan jururawat dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau rawatan pilihan yang lain; atau
- (n) sebarang psikiatrik, gangguan mental atau saraf dan keadaan yang disebabkan oleh penyakit nyanyuk (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
- (o) sebarang sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada selam skuba, terjun bungee, meluncur-gantung, belon panas, penerjunan, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan professional dan aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, atau berlesen membawa penumpang-operasi pesawat komersil pada laluan berjadual tetap, melainkan Kami bersetuju berbeza dalam pengendorsan khas; atau

PRUDENTIAL BSN
TAKAFUL

(p) sebarang jagaan atau rawatan yang tidak membawa kepada pemulihan, pengekalan keadaan Ahli yang Dilindungi atau pemulihan kepada keadaan kesihatan Ahli yang Dilindungi yang sebelumnya.

8. Adakah tempoh menunggu terpakai untuk skim ini?

Ya. Tempoh menunggu adalah berkenaan untuk manfaat-manfaat di bawah skim ini seperti berikut:

Manfaat	Tempoh Menunggu
Kematian Bukan Akibat Kemalangan	4 bulan dari tarikh permulaan perlindungan

9. Bagaimanakah saya boleh mengesahkan jika saya dilindungi di bawah skim ini?

Mereka yang layak untuk menerima PruBSN iTEKAD Protection akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada PruBSN. Anda boleh menghubungi talian Khidmat Pelanggan kami dan sila berikan nama, nombor Kad Pengenalan dan nombor telefon anda untuk pengesahan kelayakan.

Maklumat lengkap skim ini berserta dokumen-dokumen lain boleh diperolehi di laman sesawang rasmi www.prubsn.com.my.

Sumbangan

10. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Sumbangan di bawah skim ini sebahagiannya ditaja oleh Kerajaan Malaysia, PruBSN dan Pemegang Sijil Induk.

Anda perlu membayar sumbangan takaful sekali Sahaja sebanyak RM10 untuk sebahagiannya menampung Caj Wakalah Pendahuluan sebagai perbelanjaan pengurusan untuk PruBSN.

11. Apakah caj di bawah skim ini?

Caj *Wakalah* Pendahuluan sebanyak 23% akan ditolak daripada sumbangan dan baki 77% daripada sumbangan akan diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru`* sebagai Potongan *Tabarru`*.

Caj *Wakalah* Pendahuluan dibayar oleh anda dan dibayar oleh anda dan Pemegang Sijil Induk.

12. Adakah cukai perkhidmatan dikenakan untuk skim ini?

Ya, sumbangan yang dibayar untuk skim ini akan dikenakan cukai perkhidmatan berdasarkan kadar semasa, dan jumlah cukai tersebut hendaklah dibayar oleh Pemegang Sijil Induk.

13. Adakah sumbangan yang dibayar untuk skim ini layak untuk Pelepasan Cukai Pendapatan?

Tidak, sumbangan yang dibayar untuk pelan ini tidak akan layak untuk pelepasan cukai pendapatan peribadi.

Pengunderaitan

14. Adakah saya perlu menjalani sebarang penilaian perubatan, kesihatan atau kewangan untuk menyertai skim ini?

Anda tidak perlu menjalani sebarang pemeriksaan perubatan atau kesihatan untuk menyertai skim ini.

Perkhidmatan Sijil

15. Bagaimanakah cara untuk saya mengetahui dengan lebih lanjut tentang ciri-ciri dan manfaat-manfaat skim ini?

Anda boleh merujuk kepada Keterangan Produk (PDS), atau anda boleh menghubungi unit sokongan kami di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8:30a.m. – 5:15p.m., kecuali cuti umum) atau e-mel ke customer.microtakaful@prubsn.com.my.

16. Selepas saya menyertai skim ini, kepada siapa saya boleh menghubungi untuk perkhidmatan sijil dan pertanyaan?

Untuk bantuan dan pertanyaan berkaitan sijil anda, anda boleh menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan kami di 03-2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8:30 pagi – 5:15 petang, kecuali cuti umum) atau e-mel kepada customer.microtakaful@prubsn.com.my.

17. Bolehkah saya membatalkan sijil selepas menyertai?

Anda boleh membatalkan sijil anda dalam tempoh lima belas (15) hari dengan memberitahu secara langsung kepada PruBSN dan dengan memberikan butiran pengenalan diri dalam masa 15 hari dari tarikh mula perlindungan. PruBSN akan memulangkan kepada anda dan kepada penyumbang yang terlibat jumlah penuh sumbangan, bersamaan dengan bahagian mereka daripada jumlah sumbangan yang dibayar, dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh tinjauan bebas.

Anda juga boleh membatalkan sijil anda selepas tempoh pemerhatian percuma dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari lebih awal kepada PruBSN. Perlindungan akan diteruskan sehingga tarikh tamat Sijil Induk dan tidak akan diperbaharui pada tahun-tahun berikutnya. Tiada nilai penyerahan yang akan dibayar dan sumbangan yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

Sila ambil maklum bahawa anda tidak akan dapat mengaktifkan semula sijil selepas anda membatalkannya. Perlindungan akan berterusan sehingga tarikh luput, dan anda tidak akan dilindungi selepas sijil tamat tempoh.

Penamaan

18. Mengapakah penting untuk membuat penamaan?

Membuat penamaan adalah penting untuk memastikan orang tersayang anda akan menerima manfaat sijil seperti yang anda kehendaki dan bagi membolehkan manfaat-manfaat sijil dibayar oleh PruBSN tanpa sebarang kelewatan. Tanpa penamaan, manfaat-manfaat sijil akan dibayar kepada wasi atau pentadbir anda yang sah atau pihak menuntut untuk mengagihkannya mengikut wasiat atau undang-undang yang terpakai berkaitan pentadbiran harta pusaka Ahli yang Dilindungi. Proses ini mungkin memerlukan jangka masa yang lebih lama.

Adalah penting untuk anda melakukan penamaan kerana ini akan menyenangkan proses tuntutan.

19. Siapakah yang boleh saya namakan sebagai penama?

Penama mestilah seorang individu. Penamaan nama organisasi atau pertubuhan tidak dibenarkan.

Sekiranya penama di bawah umur 19 tahun pada masa tuntutan, manfaat tersebut akan dibayar kepada ibu bapa yang masih hidup atau penuntut yang sah iaitu penjaga sah, tertakluk kepada bukti/dokumen sokongan yang berkaitan.

Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.

20. Bolehkah saya mempunyai lebih daripada satu penama?

Ya. Anda boleh mempunyai lebih dari satu penama yang dilantik sebagai penama anda. Sila pastikan anda menyatakan peratusan yang ditetapkan untuk dibayar kepada setiap penama secara keseluruhan adalah 100% bagi kesemua penama jika anda memilih untuk mempunyai lebih daripada seorang penama. Sekiranya anda tidak berbuat demikian, PruBSN akan membayar penama secara bahagian yang sama.

21. Apakah pilihan yang disediakan untuk penamaan di bawah skim ini?

Anda mempunyai pilihan untuk menamakan *Wasi* (Pelaksana) atau Beneficiary di bawah *Hibah Bersyarat*.

(i) *Wasi* (Pelaksana):

- a. Penama bertindak sebagai **pelaksana**.
- b. Penama hendaklah **mentadbir pembahagian** wang manfaat mengikut Undang-Undang Islam Pusaka (*Faraid*) atau Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97] yang mana berkenaan.

(ii) Beneficiary di bawah *Hibah Bersyarat**:

- a. Manfaat akan dibayar terus kepada penama dalam bentuk *Hibah* (hadiah).
- b. Penama mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima manfaat takaful.

**Untuk mempercepatkan dan memudahkan proses pembayaran manfaat kematian, adalah amat digalakkan untuk mengisi Borang Penamaan. Manfaat takaful akan dikecualikan daripada harta pusaka apabila ianya diterima di bawah Hibah bersyarat oleh penama.*

22. Bolehkah saya meletakkan penama saya yang bukan warganegara Malaysia?

Ya. Anda boleh menamakan penama(-penama) yang bukan warganegara Malaysia. Walaubagaimanapun, anda perlu memastikan penama(-penama) mempunyai dokumen-dokumen yang lengkap dan sah bagi melancarkan proses pembayaran tuntutan.

23. Bagaimakah saya boleh membuat penamaan?

- (i) Anda boleh menghantar penamaan melalui bank apabila anda melanggan skim ini.
- (ii) Jika anda ingin membuat penamaan selepas penyerahan skim ini, anda boleh mengunjungi cawangan PruBSN/Prudential; atau
- (iii) Anda boleh menghantar borang penamaan melalui email dan mengikuti langkah seperti di bawah:
 - a. Muat turun borang penamaan dari laman sesawang korporat PruBSN di www.prubsn.com.my
 - b. Isi butiran penama di dalam borang penamaan. Lihat video panduan mengisi borang penamaan dari laman sesawang korporat PruBSN di www.prubsn.com.my. Sila pastikan anda faham perbezaan di antara menamakan seseorang individu sebagai *Wasi* (Pelaksana) atau sebagai Benefisiari di bawah *Hibah* Bersyarat (Hadiah). Tandakan kotak dengan sewajarnya.
 - c. Emelkan dokumen yang lengkap ke customer.microtakaful@prubsn.com.my.

24. Perlukah saya memaklumkan kepada penama (-penama) saya selepas penamaan telah dibuat?

Ya. Adalah amat penting untuk anda memaklumkan penama(-penama) anda mengenai manfaat-manfaat sijil dan penamaan.

Tuntutan**25. Bagaimanakah cara saya atau penama saya membuat tuntutan?**

- (i) Anda boleh lawati cawangan PruBSN/Prudential; atau
- (ii) Anda boleh memuat turun borang tuntutan dari laman sesawang korporat PruBSN di www.prubsn.com.my dan mengikuti langkah seperti di bawah:
 - a. Isi borang tuntutan anda serta sediakan dokumen sokongan yang diperlukan, seperti dinyatakan di Perkara 25.
 - b. Serahkan borang tuntutan beserta dokumen-dokumen sokongan yang telah lengkap ke:
 - Cawangan PruBSN/Prudential; atau
 - Emel kepada customer.microtakaful@prubsn.com.my

26. Kepada siapakah manfaat sijil saya akan dibayar sekiranya berlaku tuntutan?

Setelah tuntutan manfaat telah diluluskan, manfaat sijil akan dibayar kepada anda (untuk tuntutan Manfaat Elaun Harian Kemasukan ke Hospital) atau kepada penama anda atau pihak menuntut yang sewajarnya atau wasi yang sah/pentadbir anda (untuk tuntutan kematian).

27. Bagaimanakah saya atau penama saya boleh menyemak status tuntutan atau mendapatkan pencerahan berkenaan keputusan tuntutan?

Anda atau penama anda boleh menyemak status tuntutan atau mendapatkan pencerahan lanjut melalui cara berikut:

- a. Menghubungi Wakil Khidmat Pelanggan PruBSN di 03 – 2775 7188 (Isnin hingga Jumaat, 8.30 pagi. - 5.15 petang., kecuali cuti umum); atau
- b. Hantar emel kepada customer.microtakaful@prubsn.com.my; atau
- c. Lawati mana-mana cawangan PruBSN/Prudential.

28. Berapa lamakah masa yang diperlukan untuk tuntutan diproses?

Untuk tuntutan kematian, ia mengambil masa lima (5) hari bekerja untuk pembayaran tuntutan selepas penerimaan dokumen lengkap seperti yang diminta oleh PruBSN manakala untuk tuntutan bagi Elaun Harian Kemasukan ke Hospital Kerajaan (Akibat Kemalangan) akan diproses dan dibayar dalam tempoh 7 hari bekerja.

Tuntutan untuk manfaat dan semua dokumen serta maklumat yang berkaitan yang diperlukan oleh PruBSN mesti dikemukakan dalam tempoh Sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian tuntutan.

Kegagalan untuk memberikan notis dalam tempoh tersebut tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya dapat ditunjukkan kepada kepuasan PruBSN bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis tersebut dan notis diberikan secepat yang munasabah boleh dilakukan. Walau bagaimanapun, sila AMBIL PERHATIAN bahawa PruBSN mungkin tidak membayar sebarang tuntutan walaupun dengan dokumen lengkap sekiranya penuntut menghantar tuntutan dua belas (120) dari tarikh tamat perlindungan takaful anda.

29. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan semasa mengemukakan tuntutan?

Dokumen(-dokumen) yang perlu diserahkan adalah berdasarkan kepada jenis tuntutan seperti yang disenaraikan di bawah:

Jenis Dokumen	Jenis Tuntutan		
	Kematian Bukan Akibat Kemalangan	Kematian Akibat Kemalangan	Elaun Harian Kemasukan ke Hospital
Yang Disahkan – Sijil Kematian	√	√	X
Salinan Kad Pengenalan Penuntut	√	√	√
Laporan Polis	X	√	√
Borang Tuntutan beserta butiran e-kredit	√	√	√
Sijil Perawat Perubatan	√	√	X
Laporan Post-mortem Terperinci	X	√	X
Laporan Toksikologi (jika ada)	X	√	X
Kenyataan Doktor / Ringkasan Discaj	X	X	√

Note:

- (i) Bagi sijil tanpa penamaan, dokumen tambahan diperlukan adalah:
Salinan bukti hubungan yang diperakui (Sijil Perkahwinan atau Sijil Kelahiran) untuk semua penuntut.
- (ii) Laporan atau dokumen sokongan lain yang mungkin diperlukan untuk tuntutan Elaun Harian Kemasukan di Hospital:
 - Salinan surat pelepasan perubatan yang disahkan dan Sijil Cuti Sakit (apabila diperlukan).
 - Lain-lain: Laporan Perkembangan Pemulihan (apabila diperlukan).

Penamatan

30. Dalam situasi apakah sijil saya akan ditamatkan?

Sijil anda ditamatkan secara automatik:

- (i) apabila meninggal dunia; atau
- (ii) setelah menerima arahan bertulis daripada anda dan/atau Pemegang Sijil Induk untuk menamatkan perlindungan takaful; atau
- (iii) pembatalan atau pengosongan sijil anda; atau
- (iv) pada tarikh tamat perlindungan takaful iaitu dua belas (12) bulan dari tarikh kuat kuasa sijil; mana-mana berlaku terlebih dahulu.

Pembaharuan

31. Adakah perlindungan dijamin untuk diperbaharui di bawah skim ini?

Tidak. Anda perlu memohon semula untuk skim ini bagi mendapatkan perlindungan untuk tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, jika anda layak untuk memperbaharui perlindungan di bawah skim ini, tempoh menunggu 4 bulan akan dikenakan semula jika sumbangan hanya diterima oleh PruBSN selepas 30 hari dari tarikh tamat perlindungan sebelumnya.